

UMS giat perluas pendedahan C4D dalam pelaksanaan projek sosial

UB 15.04.2021 P.15

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Penyelidikan Komunikasi Pembangunan UMS-UNICEF (UMS-UNICEF C4D) terus menggiatkan usaha dalam menyalurkan pengetahuan berkaitan asas komunikasi untuk pembangunan (C4D) untuk pelaksanaan aktiviti atau projek sosial dalam kawangan komuniti setempat.

Terbaru, Unit Penyelidikan UMS-UNICEF C4D telah menganjurkan Bengkel Asas C4D Untuk Ahli Akademik UMS, yang merupakan kali kelima pengajannya sejak ditubuhkan di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) pada September 2019.

Bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), bengkel dibiayai oleh Tabung Kanak-kanak

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) itu berlangsung selama tiga hari.

Ia disertai 20 ahli akademik dari pelbagai fakulti dan jabatan, antaranya FSSK, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) dan Pusat Kelestarian dan Libatsama Masyarakat (PKLM).

Menurut kenyataan dari Unit Penyelidikan UMS-UNICEF C4D, bengkel tersebut antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkaitan asas-asas C4D dengan menekankan pada lima aspek utama.

Aspek berkenaan termasuk penilaian atau penyelidikan bagi mengenal pasti tingkah laku dan pemegang taruh yang boleh mempengaruhi isu

yang dipilih, analisa komunikasi dan saluran komunikasi, mereka bentuk objektif komunikasi yang mampu membawa pada perubahan pada pengetahuan, sikap dan tingkah laku, serta pemantauan dan penilaian terhadap keseluruhan proses.

“Aspek komunikasi amat ditekankan dalam pelaksanaan sesuatu projek sosial kerana komunikasi memainkan peranan penting dalam mengubah kebiasaan sosial negatif ke arah positif, mengubah tingkah laku individu dan masyarakat, dan seterusnya membawa kepada pembangunan sosial.

“Intervensi C4D adalah sebahagian daripada aktiviti sesebuah projek, sebagai contoh digunakan untuk menangani isu sosial seperti perkahwinan bawah umur, diskriminasi terhadap kanak-

kanak dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU), kesihatan ibu dan anak-anak, dan isu-isu lain yang berkaitan.

“C4D juga boleh digunakan dalam konteks lain,

contohnya dalam meningkatkan penerimaan terhadap vaksin COVID-19,” menurut kenyataan itu.

Melihat kepada kejayaan organisasi seperti Jabatan

Kesihatan Negeri Sabah dan Good Shepherd Services yang pernah dilatih melalui bengkel asas C4D dan berjaya mengaplikasikan penggunaan C4D dalam konteks

sebenar, Unit Penyelidikan UMS-UNICEF C4D akan terus memperluaskan pernjanjuran bengkel serupa kepada organisasi luar yang berkaitan.



BENGKEL: Peserta merakamkan gambar berkumpulan dengan mematuhi penjarakan fizikal.